



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



TENAGA BURUH

LAPORAN
STATISTIK

DISEMBER 2024

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

LAPORAN TENAGA BURUH MALAYSIA

DISEMBER 2024

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram/ YouTube	: StatsMalaysia
E-mel	: info@dosm.gov.my (pertanyaan umum)
	: data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Diterbitkan pada 10 Februari 2025

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

ISSN 2735 - 1823

KATA PENGANTAR

Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, bulanan membentangkan statistik berkaitan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran yang diperoleh daripada Survei Tenaga Buruh (STB). Pelaksanaan STB adalah berdasarkan garis panduan dan syor oleh *International Labour Organization* (ILO) dengan merujuk kepada *Surveys of Economically Active Population, Employment, Unemployment and Underemployment: An ILO Manual on Concepts and Methods*.

Statistik tenaga buruh merupakan input penting untuk menganalisis pasaran buruh, menggubal dasar serta merancang, melaksana dan memantau program terutamanya berkaitan pembangunan sumber manusia. Statistik ini juga menjadi rujukan penting kepada penyelidik, ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta dan individu yang terlibat dalam kajian berkaitan guna tenaga dan pasaran buruh.

Laporan Tenaga Buruh bagi Disember 2024 memperihalkan kedudukan penawaran tenaga buruh berdasarkan situasi semasa. Laporan ini juga menghuraikan perubahan bulan ke bulan untuk mengkaji kesan langsung daripada peristiwa terkini. Di samping itu, perubahan tahunan dari bulan yang sama pada tahun sebelumnya turut dilaporkan.

Jabatan Perangkaan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan ke arah penambahbaikan laporan ini pada masa hadapan amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Februari 2025

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Isi Kandungan	i
Glosari	ii
Akronim	iv
Infografik	v

Sorotan Utama	1
1. Pengenalan	2
2. Penduduk Bekerja	5
3. Pengangguran	6
4. Tenaga Buruh	8
5. Luar Tenaga Buruh	9
6. Kadar Penyertaan Tenaga Buruh dan Kadar Pengangguran Tahun 2024 (Awalan)	10
7. Menuju ke Hadapan	11

Senarai Jadual

Jadual A	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, 1982 - 2023	A-1
Jadual B	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Suku Pertama 2010 - Keempat 2024	A-2
Jadual B1	: Penduduk bekerja kurang dari 30 jam seminggu mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Keempat 2024	A-4
Jadual B2	: Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Keempat 2024	A-5
Jadual B3	: Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Keempat 2024	A-6
Jadual C	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Januari 2010 - Disember 2024	A-7
Jadual C1	: Statistik utama tenaga buruh pelarasan bermusim, Malaysia, Januari 2010 - Disember 2024	A-11
Jadual C2	: Bilangan penganggur mengikut kategori dan tempoh menganggur, Januari 2016 - Disember 2024	A-15
Jadual C3	: Pengangguran dan kadar pengangguran belia mengikut kumpulan umur terpilih, Januari 2016 - Disember 2024	A-18
Jadual C4	: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Januari 2016 - Disember 2024	A-21
Jadual D	: Penduduk bekerja mengikut pekerjaan, Malaysia, 1982 - 2023	A-24
Jadual E	: Penduduk bekerja mengikut industri, Malaysia, 1982 - 2023	A-25
Jadual F	: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Malaysia, 1982 - 2023	A-27
Jadual G	: Indikator tenaga buruh bagi negara terpilih, Disember 2023 - Disember 2024	A-28

GLOSARI

Aktiviti ekonomi	: Klasifikasi industri mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2018 Versi 1.0 kepada lima sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Manakala sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dibahagikan kepada subsektor.
Bekerja	: Semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji.
Bekerja sendiri	: Seorang yang mengusahakan ladang, perniagaan atau perusahaan sendiri tanpa menggaji pekerja di ladang, perniagaan atau perusahaannya.
Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran	: Mereka yang mempunyai pendidikan tertiar dan bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah.
Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa	: Kumpulan yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu semasa minggu rujukan disebabkan keadaan kerja atau kerja yang tidak mencukupi dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja. Mereka yang bekerja lebih daripada 30 jam seminggu semasa minggu rujukan merupakan guna tenaga penuh.
Kadar pengangguran	: Perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh dalam bentuk peratusan.
Kadar penyertaan tenaga buruh	: Perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja dalam bentuk peratusan.
Kategori kemahiran	: Untuk tujuan pelaporan, kategori pekerjaan dikelaskan kepada tiga tahap kemahiran mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013 seperti berikut:

Pekerja mahir:

1. Pengurus;
2. Profesional; dan
3. Juruteknik dan professional bersekutu.

Pekerja separuh mahir:

4. Pekerja sokongan pengkeranian;
5. Pekerja perkhidmatan dan penjualan;
6. Pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan;
7. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; dan
8. Operator loji dan mesin serta pemasangan.

Pekerja berkemahiran rendah:

9. Pekerjaan asas.

GLOSARI

Bermula Januari 2022, kategori pekerjaan adalah mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 dengan tambahan kumpulan 0 - Angkatan Tentera.

Luar tenaga buruh	: Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur dikategorikan sebagai luar tenaga buruh. Kategori ini terdiri daripada suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), mereka yang telah bersara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.
Majikan	: Seorang yang menjalankan sesuatu perniagaan, perusahaan ladang atau perniagaan lain dan menggaji seorang pekerja atau lebih untuk menolongnya.
Nisbah guna tenaga kepada penduduk	: Perkadaran penduduk yang bekerja kepada jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja.
Pekerja	: Seorang yang bekerja untuk majikan sektor awam atau swasta dan menerima ganjaran tetap seperti upah, gaji, komisen, tip atau ganjaran berbentuk mata benda.
Pekerja keluarga tanpa gaji	: Seorang yang bekerja tanpa menerima sebarang bayaran atau upah di ladang, perniagaan atau perusahaan yang dijalankan oleh ahli keluarganya yang lain.
Penganggur	: Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan dan dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.
Penganggur aktif	: Mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu rujukan.
Penganggur tidak aktif	: Tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan atau pun tidak berkeupayaan; mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau keadaan cuaca; dan telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan dan sedang menunggu jawapan permohonan pekerjaan.
Tenaga buruh	: Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam kumpulan umur bekerja (15 - 64 tahun) sama ada bekerja atau menganggur.

AKRONIM


AS	: Amerika Syarikat
EXCO	: Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
E&E	: Elektrik dan elektronik
FAMA	: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
F&B	: Makanan dan minuman
ILO	: <i>International Labour Organization</i>
IMF	: Tabung Kewangan Antarabangsa
IP	: Indeks Pelopor
KDNK	: Keluaran Dalam Negeri Kasar
KPTB	: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh
MAHA	: Pameran Pertanian, Hortikultur, dan Agro-Pelancongan Malaysia
MADANI	: Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Kormat, Keyakinan, dan Ihsan
MASCO	: Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia
MSIC	: Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia
Pra-COVID-19	: <i>Pra-Coronavirus Disease 2019</i>
PIKAS	: Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta
PMKS	: Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
PPP	: Kerjasama Awam-Swasta
PuTERA35	: Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035
STB	: Survei Tenaga Buruh

TENAGA BURUH MALAYSIA, DISEMBER 2024

Kadar pengangguran Malaysia mencecah kadar terendah pada Disember 2024 iaitu 3.1 peratus dengan 544.3 ribu penganggur

PENGANGGURAN

BILANGAN PENGANGGUR DAN KADAR PENGANGGURAN, MALAYSIA, DIS 2023 - DIS 2024



Pengangguran mengikut kategori

Penganggur aktif Penganggur tidak aktif

DIS 2024




NOV 2024




PENDUDUK BEKERJA

BILANGAN PENDUDUK BEKERJA DAN NISBAH GUNA TENAGA KEPADA PENDUDUK, MALAYSIA, DIS 2023 - DIS 2024



Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan



TENAGA BURUH

BILANGAN TENAGA BURUH DAN KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH (KPTB), MALAYSIA, DIS 2023 - DIS 2024



70.6%

Kadar penyertaan tenaga buruh pada bulan tersebut meningkat sebanyak 0.1 mata peratus kepada 70.6 peratus

KPTB mengikut jantina



LUAR TENAGA BURUH

Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga merupakan sebab utama luar tenaga buruh



NOV 2024



DIS 2024



Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga
43.1%



Bersekolah/ latihan
42.3%

- Peratus perubahan (tahun ke tahun)
- Peratus perubahan (bulan ke bulan)
- mp Mata peratus
- Tidak berubah



@StatsMalaysia



KONSEP DAN DEFINISI



Apa itu Survei Tenaga Buruh (STB)?

Survei Tenaga Buruh (STB) dilaksanakan untuk mengumpul maklumat berkaitan struktur dan taburan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran dari aspek penawaran tenaga buruh.

STB meliputi kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar bagi semua daerah pentadbiran di semua negeri di Malaysia menggunakan pendekatan *multi-modal data collection* melalui temu ramah bersemuka dan *Computer-Assisted Telephone Interview (CATI)*.

STB dilaksanakan berdasarkan garis panduan dan syor oleh *International Labour Organization (ILO)*.

Populasi penyiasatan merangkumi penduduk yang tinggal di tempat kediaman persendirian dan tidak termasuk mereka yang tinggal di institusi-institusi seperti hotel, hospital, asrama, penjara dan pekerja yang tinggal di rumah kongsi.

Umur bekerja bagi analisis STB di Malaysia merujuk kepada ahli isi rumah yang berumur 15 hingga 64 tahun semasa minggu rujukan, sama ada berada di dalam tenaga buruh atau di luar tenaga buruh.

TENAGA BURUH

- Penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15 hingga 64 tahun (dalam tahun genap pada hari lahir terakhir).
- Sama ada bekerja atau menganggur semasa minggu rujukan.

BEKERJA

- Orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji).
- Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab-sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja.
- Mereka yang tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.

PENGANGGUR

- Mereka yang tidak mempunyai pekerjaan tetapi berminat untuk bekerja dan sedang mencari kerja.
- Dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.

LUAR TENAGA BURUH

- Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur.
- Contoh: suri rumah, pelajar, mereka yang telah bersara atau tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.

KADAR PENGANGGURAN

- Perkadaran penduduk yang menganggur (tidak bekerja) kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh.
- Peratus penduduk di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja.

KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

- Aktiviti ekonomi penduduk pada keseluruhannya bergantung kepada ciri-ciri demografi sesuatu populasi.
- Pecahan mereka yang aktif secara ekonomi berbeza di antara kumpulan-kumpulan kecil penduduk tersebut.
- Perbezaan ini diukur dengan kadar aktiviti tertentu yang dikenali sebagai kadar penyertaan tenaga buruh.
- Kadar penyertaan tenaga buruh ditakrifkan sebagai perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada jumlah penduduk dalam umur bekerja (15 hingga 64 tahun) yang dipersembahkan dalam bentuk peratus.

PELARASAN MUSIM

- Data siri masa adalah amat berguna untuk ahli ekonomi, pembuat dasar & keputusan serta penganalisis siri masa untuk mengenal pasti ciri-ciri penting siri ekonomi seperti arah aliran, *turning point* dan konsistensi antara penunjuk ekonomi yang lain. Kadangkala ciri ini sukar untuk diperhatikan kerana pergerakan bermusim. Oleh itu, sekiranya kesan bermusim boleh disingkirkan, arah aliran data siri ini dapat dilihat dengan lebih baik. Anggaran dan penyingkiran kesan bermusim dipanggil pelarasan bermusim.
- Pelarasan bermusim adalah satu proses untuk mengenal pasti dan menyingkirkan bentuk pola bermusim yang biasa berlaku dalam tempoh satu tahun, yang mungkin juga merangkumi pengaruh dari kesan cuti yang bergerak dan hari bekerja/berdagang bagi suatu tempoh. Objektif utama proses ini adalah untuk menyerlahkan arah aliran dan pergerakan-pergerakan jangka pendek dalam siri ini.
- Di Malaysia, kebanyakan data siri masa dipengaruhi oleh kesan bermusim. Oleh itu, untuk menghapus dan melaras kesan bermusim data siri masa ekonomi Malaysia, pakej standard pelarasan bermusim, X-12 ARIMA telah digunakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.



@StatsMalaysia



SOROTAN UTAMA

- Pada bulan tersebut, bilangan **penduduk bekerja** terus menunjukkan trend positif, meningkat sebanyak **0.2 peratus (+28.4 ribu orang)**, mencecah seramai **16.78 juta orang** (November 2024: 16.75 juta orang). **Nisbah guna tenaga kepada penduduk**, yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan, kekal pada **68.3 peratus** seperti pada bulan sebelumnya.
- Dari segi sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor **Perkhidmatan** meningkat dengan stabil, terutamanya dalam aktiviti **Perdagangan borong & runcit; Kesenian, hiburan & rekreasi**; serta **Penginapan dan perkhidmatan makanan & minuman**. Pada masa yang sama, sektor **Pembuatan, Pembinaan, dan Pertanian** juga mencatatkan pertumbuhan guna tenaga yang positif, manakala guna tenaga dalam sektor **Perlombongan & pengkuarian** berkurang pada bulan tersebut.
- Sebahagian besar daripada penduduk bekerja dikategorikan sebagai **pekerja**, merangkumi **74.9 peratus** daripada jumlah guna tenaga pada bulan Disember 2024. Kumpulan ini meningkat sebanyak **0.1 peratus (+14.5 ribu orang)** kepada **12.56 juta orang** (November 2024: 12.54 juta orang). Begitu juga, bilangan **penduduk bekerja sendiri** menunjukkan trend peningkatan, bertambah sebanyak **0.4 peratus (+11.4 ribu orang)** kepada **3.12 juta orang** (November 2024: 3.11 juta orang).
- Pada bulan tersebut, bilangan **penganggur** semakin menurun, dengan pengurangan sebanyak **0.4 peratus** atau bersamaan dengan **2.4 ribu orang**, mencatatkan bilangan penganggur yang lebih rendah iaitu pada **544.3 ribu orang** (November 2024: 546.7 ribu orang). **Kadar pengangguran** pada bulan Disember 2024 turun sebanyak **0.1 mata peratus** kepada **3.1 peratus**, mencapai kadar terendah dalam tempoh hampir satu dekad (Mei 2015: 3.1%; November 2024: 3.2%).
- Bilangan **tenaga buruh** pada Disember 2024 kekal pada trend meningkat, dengan kenaikan sebanyak **0.1 peratus (+25.9 ribu orang)** kepada **17.32 juta orang** (November 2024: 17.29 juta orang). Sehubungan itu, **kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)** yang lebih tinggi direkodkan pada bulan tersebut iaitu pada **70.6 peratus** berbanding 70.5 peratus pada bulan sebelumnya.
- Pada bulan Disember 2024, bilangan penduduk di **luar tenaga buruh** terus berkurang, menurun sedikit iaitu sebanyak **0.04 peratus (-2.7 ribu orang)** kepada **7.22 juta orang** (November 2024: 7.23 juta orang). **Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga** merupakan sebab utama luar tenaga buruh, yang menyumbang sebanyak **43.1 peratus** daripada jumlah keseluruhan, manakala kategori **bersekolah/ latihan** berada di kedudukan kedua iaitu pada **42.3 peratus**.
- Pasaran buruh Malaysia menunjukkan prestasi yang baik sepanjang tahun, dengan pengangguran kekal rendah manakala guna tenaga menyaksikan peningkatan yang stabil. Pasaran buruh negara yang positif pada tahun 2024 sebahagiannya adalah disumbangkan oleh permintaan buruh yang berterusan merentasi pelbagai sektor, terutamanya dalam sektor swasta, yang menyaksikan peningkatan dalam peluang pekerjaan. Jangkaan bagi tenaga buruh Malaysia pada tahun 2025 adalah menggalakkan, di mana guna tenaga dilihat terus meningkat secara konsisten, manakala pengangguran dijangka kekal rendah. Sektor utama seperti Pembuatan terutamanya elektrik dan elektronik, dan Perkhidmatan pula akan mendorong kepada pewujudan pekerjaan.

Nota: Indikator Survei Tenaga Buruh bulanan masih menggunakan data anggaran penduduk Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2010

PASARAN BURUH KEKAL STABIL PADA DISEMBER, SEJAJAR DENGAN PERKEMBANGAN EKONOMI, MENUNJUKKAN BILANGAN GUNA TENAGA YANG LEBIH TINGGI MANAKALA PENGANGGURAN TERUS MENURUN

Pada tahun 2024, ekonomi global mengalami pelbagai cabaran dan pertumbuhan sederhana. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) meramalkan pertumbuhan global pada 3.2 peratus bagi tahun tersebut, dengan sedikit peningkatan kepada 3.3 peratus pada tahun 2025. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ini tidak sekata merentas wilayah dan berdepan beberapa halangan, seperti inflasi berterusan dalam sektor Perkhidmatan, normalisasi dasar monetari yang rumit, ketegangan perdagangan yang semakin meningkat dan ketidakpastian dasar yang menimbulkan risiko kepada pertumbuhan global dan ketidakstabilan geopolitik¹. Walaupun berdepan cabaran ini, ekonomi global menunjukkan isyarat berdaya tahan, terutamanya dalam ekonomi maju di mana pertumbuhan dijangka perlahan tetapi kekal positif. Bagi ekonomi Malaysia, ia mencerminkan trajektori yang positif, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, pelaburan strategik dan sektor luaran yang semakin pulih². Selari dengan pertumbuhan ekonomi yang lebih baik, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk meningkatkan ekonomi dan pasaran buruh. Oleh itu, ia telah meningkatkan peluang perniagaan dan pekerjaan, yang seterusnya membawa kepada prestasi pasaran buruh negara yang lebih baik pada tahun tersebut.

Seperti pada bulan awal tahun 2024, tenaga buruh Malaysia terbukti kukuh, disokong oleh peningkatan dalam kedudukan perniagaan dan ekonomi, yang menjana pelbagai peluang apabila ekonomi negara berkembang pesat. Peningkatan dalam aktiviti ekonomi telah menggalakkan pengembangan syarikat, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan permintaan buruh untuk memenuhi keperluan industri. Ekonomi Malaysia jauh lebih baik pada tiga bulan awal tahun 2024 disebabkan oleh pengembangan eksport, terutamanya dalam subsektor elektrik dan elektronik (E&E). Memandangkan pasaran buruh negara kekal stabil pada Februari 2024, kadar penyertaan tenaga buruh wanita melepasi paras pra-COVID-19 dan terus meningkat. Teknologi baharu juga memudahkan peningkatan pengaturan kerja yang fleksibel, yang menggalakkan penyertaan tenaga buruh yang lebih tinggi, terutamanya dalam kalangan wanita, dan menggalakkan mobiliti buruh yang lebih besar.

Pada Mac 2024, di sebalik ketidakpastian dunia dan ketegangan geopolitik, ekonomi global bertambah baik dan kestabilan ekonomi Malaysia berterusan. Situasi ini telah didorong oleh peningkatan aktiviti pelancongan, permintaan domestik yang teguh dan situasi luaran yang menggalakkan. Oleh itu, ini telah menyumbang secara positif kepada pasaran buruh negara pada bulan tersebut. Selain itu, bulan Ramadan telah merangsang aktiviti ekonomi, dengan kedua-dua Muslim dan bukan Muslim memanfaatkan peluang perniagaan untuk menyokong kehidupan mereka, memupuk prospek ekonomi yang positif, dan meningkatkan pertumbuhan dalam pasaran buruh Malaysia. Oleh itu, pada suku pertama tahun 2024, pengembangan berterusan tenaga buruh Malaysia, mencerminkan trajektori ekonomi negara yang stabil, ditunjukkan oleh peningkatan bilangan guna tenaga dan pengurangan pengangguran.

Di samping itu, rakyat Malaysia telah menyambut Hari Raya Aidilfitri pada awal April 2024. Sambutan ini sebahagiannya dilihat telah mengekalkan ekonomi negara dan seterusnya menyokong peningkatan pasaran buruh berikutan permintaan yang lebih tinggi dalam pelbagai jenis perniagaan makanan dan minuman (F&B), terutamanya kedai roti, pastri, biskut, dan makanan tradisional Melayu yang lain. Ramai usahawan baharu dan sedia ada mengambil peluang untuk lebih kreatif dengan mencipta

¹ <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2024/07/16/world-economic-outlook-update-july-2024>

² <https://theedgemalaysia.com/node/723469>

pelbagai inovasi dan makanan berkualiti yang mampu menarik minat pembeli, seterusnya melancarkan perniagaan dalam talian atau membuka gerai di bazar Aidilfitri. Oleh itu, lebih banyak perniagaan telah memulakan aktiviti mereka terutamanya bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), yang membawa kepada situasi ekonomi yang lebih baik. Oleh itu, kedudukan tenaga buruh yang menggalakkan dilihat pada bulan tersebut.

Selain itu, peningkatan aktiviti pelancongan pada Mei 2024 dan kesan limpahan positifnya terhadap industri berkaitan pelancongan seperti aktiviti Perdagangan borong & runcit, Perkhidmatan makanan dan minuman, Penginapan dan pelaksanaan projek nasional juga dilihat memberi manfaat kepada pasaran buruh negara dari segi permintaan dan penawaran buruh. Sehubungan dengan situasi ekonomi dan pasaran buruh yang memberangsangkan pada Mei 2024, kedudukan tenaga buruh bertambah kukuh dengan peningkatan berterusan dalam bilangan penduduk bekerja, manakala penganggur jauh lebih rendah. Bagi menangani isu tenaga buruh, kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memperkukuh guna tenaga pada separuh pertama tahun 2024. Bagi memastikan kestabilan ekonomi Malaysia dan pasaran buruh, kerajaan mengambil inisiatif untuk melaksanakan banyak program dengan menganjurkan karnival kerjaya, program pembangunan kemahiran, dan inisiatif lain untuk menambah baik peluang pekerjaan, menyediakan maklumat pekerjaan kepada pencari kerja dan menyumbang kepada pertumbuhan tenaga buruh yang lebih baik.

Memasuki bulan Julai hingga September 2024, kerajaan Malaysia memberi tumpuan yang tinggi kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), yang dilihat telah mengekalkan ekonomi negara dan seterusnya menyokong peningkatan tenaga buruh pada Julai 2024, dengan memperuntukkan bajet untuk program mempromosikan perniagaan dan keusahawanan. Inisiatif ini membawa kepada penyertaan yang lebih besar dalam PMKS, yang seterusnya mengukuhkan pasaran buruh. Menurut Aminuddin Zulkipli, Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Malaysia Fest 2024 di Singapura menampilkan kira-kira 300 gerai pameran yang mempamerkan rangkaian luas produk Malaysia merentasi industri seperti pertanian, agromakanan, pelancongan, kesihatan, fesyen dan produk kecantikan³. Usaha ini meningkatkan produktiviti dan keuntungan usahawan PMKS, menghasilkan pewujudan pekerjaan, prospek ekonomi yang lebih baik, peningkatan dalam guna tenaga, dan penurunan pengangguran yang berterusan.

Sementara itu, permintaan yang terus meningkat untuk produk Malaysia telah memacu eksport dan menarik pelbagai aktiviti pelaburan, khususnya dalam sektor semikonduktor firma pembuatan. Yang Berhormat Tuan Lee Ting Han, ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor (EXCO) dan Pengerusi Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia, menekankan bahawa penubuhan kilang-kilang baharu dari Singapura telah mewujudkan peluang pekerjaan dan mengukuhkan rantaian bekalan untuk memenuhi permintaan pasaran global⁴. Pembukaan syarikat dari negara lain untuk melabur di Malaysia bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia tetapi juga membantu mengembangkan pasaran buruh pada Ogos 2024. Sepanjang bulan September 2024, kerajaan giat mempromosikan aktiviti berkaitan pelancongan dengan pelbagai inisiatif dan program, terutamanya dalam sektor Pertanian. Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu menyatakan bahawa Pameran Pertanian, Hortikultur, dan Agro-Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 telah berjaya menarik pelancong antarabangsa dan mewujudkan sekitar 5,556 peluang pekerjaan semasa *Agro Job Fair*⁵. Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan industri pelancongan tetapi juga mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor Perkhidmatan dan seterusnya menarik lebih banyak penyertaan buruh dalam pasaran pada bulan tersebut.

³ <https://www.astroawani.com/berita-dunia/ekspo-malaysia-fest-sasar-jualan-rm20-juta-140000-pengunjung-di-singapura-480666>

⁴ <https://backstage2020.wordpress.com/2024/08/01/imin-technology-buka-kilang-baru-di-johor/#:~:text=Johor%20Bahru%2C%201%20Ogos%202024,Bhd.>

⁵ <https://www.utusan.com.my/pilihan-utusan/2024/09/5556-peluang-kerjaya-menanti-belia-di-maha-2024/>

Prospek ekonomi Malaysia yang lebih baik diteruskan pada Oktober dan November 2024, di sebalik ketidaktentuan ekonomi global dan ketegangan geopolitik. Pertumbuhan ekonomi negara yang menggalakkan telah menarik lebih ramai pelabur di peringkat global, seperti syarikat AS yang melabur di Pulau Pinang, yang telah mewujudkan 3,000 peluang pekerjaan, sekali gus menyumbang kepada impak positif terhadap guna tenaga dan kehidupan di seluruh dunia⁶. Bilangan ketibaan pelancong yang lebih tinggi telah membawa pelbagai aktiviti berkaitan pelancongan, yang mendorong kepada pewujudan lebih banyak perniagaan PMKS yang berkaitan dengan aktiviti tersebut. Ini menyumbang kepada kedudukan tenaga buruh Malaysia yang dinamik dengan lebih banyak peluang pekerjaan dan seterusnya menggalakkan pencari kerja memenuhi keperluan pekerjaan. Oleh itu, prospek tenaga buruh yang lebih baik dilihat pada Oktober 2024. Pasaran buruh Malaysia terus berkembang pada November 2024, disokong oleh peningkatan aktiviti berkaitan pelancongan, pelaburan yang kukuh dan peningkatan aktiviti eksport. Permintaan global yang lebih tinggi untuk barangan telah meningkatkan eksport negara dan ini memberikan lebih banyak kelebihan kepada industri Pembuatan untuk meningkatkan pengeluaran mereka dan memenuhi permintaan eksport. Oleh itu, banyak peluang pekerjaan baharu diwujudkan untuk memenuhi permintaan buruh, yang meningkatkan pengeluaran barangan.

Selain itu, kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai langkah strategik untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara sepanjang tahun 2024 bagi memberikan kemakmuran berpanjangan kepada rakyat dan negara termasuk pelaburan ekonomi digital bernilai RM254.7 bilion bagi menjana 159,000 pekerjaan. Seterusnya, pelaburan RM30.1 bilion dalam sektor semikonduktor Kedah telah ditetapkan untuk menggalakkan industri semikonduktor Malaysia dan menarik pelabur antarabangsa. Selain itu, beberapa inisiatif seperti Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) dan Pelan Induk Perkongsian Awam-Swasta (PIKAS) 2030 bertujuan untuk meningkatkan penyertaan ekonomi Bumiputera dan menggalakkan keterangkuman dan keseimbangan sosio-ekonomi⁷. Secara kolektif, usaha ini mengariskan kestabilan ekonomi Malaysia dan dedikasi kerajaan untuk mengekalkan pasaran buruh yang produktif.

Pada Disember 2024, Malaysia telah mengalami banjir teruk yang menjejaskan negeri-negeri pantai timur, terutamanya di negeri Kelantan, Terengganu, dan Pahang, seterusnya menjejaskan ekonomi tempatan dalam industri Pertanian dan infrastruktur. Walau bagaimanapun, kerajaan Malaysia telah melaksanakan beberapa alternatif untuk menyokong guna tenaga dan mengekalkan kestabilan ekonomi. Menurut Menteri Sumber Manusia Steven Chee Keong, yang menekankan bahawa majikan mesti mengelak daripada sewenang-wenangnya mengurangkan gaji atau menguatkuasakan syarat yang tidak munasabah ke atas pekerja yang tidak dapat melaporkan diri ke tempat kerja akibat bencana tersebut⁸. Inisiatif ini bertujuan untuk melindungi hak pekerja dan mengekalkan kestabilan tenaga buruh serta ekonomi negara pada bulan tersebut.

Tambahan pula, pada penghujung tahun 2024, sambutan perayaan dan cuti sekolah akhir tahun telah meningkatkan trafik pejalan kaki di pusat membeli-belah dan kedai-kedai dengan ketara, menunjukkan kemajuan yang stabil dalam ekonomi Malaysia. Musim percutian telah mendorong aktiviti perniagaan, terutamanya dalam penggunaan barangan dan perkhidmatan. Ini membawa kepada lebih banyak rangsangan pendapatan untuk perniagaan, yang mungkin memerlukan lebih banyak buruh untuk menyokong operasi perniagaan. Selain itu, usaha kerajaan untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan memperkukuh pasaran buruh telah menyumbang kepada kedudukan pasaran buruh yang semakin baik pada bulan tersebut. Justeru, pasaran buruh kekal stabil pada bulan Disember,

⁶ <https://www.bharian.com.my/amp/bisnes/korporat/2024/11/1322930/firma-dexcom-labur-rm283-bilion-buka-kilang-di-pulau-pinang>

⁷ https://www.astroawani.com/berita-bisnes/pelbagai-perencanaan-strategik-lonjakan-ekonomi-sepanjang-2024-pm-anwar-501690?utm_source=news_keyword_widget&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20241231%20News-KeyWord-ekonomi%20malaysia

⁸ <https://www.hcamag.com/asia/specialisation/payroll/malaysia-warns-against-wage-deductions-during-floods-reports/516286>

sejajar dengan perkembangan ekonomi, menunjukkan bilangan guna tenaga yang lebih tinggi manakala pengangguran terus menurun.

Bagi Indeks Pelapor Malaysia (IP) bagi November 2024, ia meningkat sebanyak 2.5 peratus kepada 112.6 mata (November 2023: 109.8 mata). Pada asas bulanan, IP naik semula sebanyak 1.1 peratus setelah mengalami penurunan selama tiga bulan berturut-turut. Melihat kepada aliran jangka panjang terlicin pada November 2024, IP kekal di bawah 100 mata. Walaupun IP masih di bawah trend, ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan peningkatan eksport berkaitan semikonduktor berikutan permintaan global yang mampan. Dari segi indikator perdagangan luar negeri bulanan, eksport dan import menunjukkan isyarat positif pada Disember 2024, masing-masing meningkat sebanyak 9.7 peratus (November 2024: -1.4%) dan 7.3 peratus (November 2024: -4.3%).


2 Bilangan penduduk bekerja terus menunjukkan trend positif

Pada bulan tersebut, bilangan **penduduk bekerja** terus menunjukkan trend positif, meningkat sebanyak **0.2 peratus (+28.4 ribu orang)**, mencecah seramai **16.78 juta orang** (November 2024: 16.75 juta orang). Anggaran pelarasan bermusim juga menunjukkan peningkatan 0.2 peratus dalam bilangan penduduk bekerja. Tahun ke tahun, bilangan penduduk bekerja merekodkan pertambahan sebanyak 1.9 peratus (+317.8 ribu orang) berbanding Disember tahun lalu iaitu sebanyak 16.46 juta orang.

Dari segi sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan meningkat dengan stabil, terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong & runcit; Kesenian, hiburan & rekreasi; serta Penginapan dan perkhidmatan makanan & minuman. Pada masa yang sama, sektor Pembuatan, Pembinaan, dan Pertanian juga mencatatkan pertumbuhan guna tenaga yang positif, manakala guna tenaga dalam sektor Perlombongan & pengkuarian berkurang pada bulan tersebut.


Nisbah guna tenaga kepada penduduk, yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan, kekal pada **68.3 peratus** seperti pada bulan sebelumnya. Berbanding dengan tahun lalu, nisbah tersebut meningkat sebanyak 0.5 peratus daripada 67.8 peratus pada Disember 2023 [**Carta 1**].

Carta 1: Penduduk bekerja dan nisbah guna tenaga kepada penduduk, Januari 2019 - Disember 2024



Sebahagian besar daripada penduduk bekerja dikategorikan sebagai **pekerja**, merangkumi **74.9 peratus** daripada jumlah guna tenaga pada bulan Disember 2024. Kumpulan ini meningkat sebanyak **0.1 peratus (+14.5 ribu orang)** kepada **12.56 juta orang** (November 2024: 12.54 juta orang). Begitu juga, bilangan **penduduk bekerja sendiri** menunjukkan trend peningkatan, bertambah sebanyak **0.4 peratus (+11.4 ribu orang)** kepada **3.12 juta orang** (November 2024: 3.11 juta orang). Kumpulan ini terutamanya termasuk golongan berpendapatan harian yang bekerja sebagai pengusaha perniagaan kecil, seperti peruncit, penjaja, penjual pasar dan gerai, serta pekebun kecil **[Carta 2]**.

Carta 2: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, November 2024 dan Disember 2024




Bilangan **penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu** naik kepada **80.5 ribu orang**, menunjukkan peningkatan sebanyak **14.6 peratus** atau bersamaan dengan **10.3 ribu orang** (November 2024: 70.2 ribu orang). Walau bagaimanapun, tahun ke tahun, angka ini menurun sebanyak 16.0 peratus (-15.3 ribu orang) berbanding 95.8 ribu orang pada Disember 2023. Kumpulan ini terdiri daripada individu yang berkemungkinan tidak dapat bekerja buat sementara namun tidak diklasifikasikan sebagai menganggur kerana mereka mempunyai pekerjaan dan akan kembali bekerja.

3 Kadar pengangguran pada bulan Disember 2024 turun kepada 3.1 peratus

Pada bulan tersebut, bilangan **penganggur** semakin menurun, dengan pengurangan sebanyak **0.4 peratus** atau bersamaan dengan **2.4 ribu orang**, mencatatkan bilangan penganggur yang lebih rendah iaitu pada **544.3 ribu orang** (November 2024: 546.7 ribu orang). **Kadar pengangguran** pada bulan Disember 2024 turun sebanyak **0.1 mata peratus** kepada **3.1 peratus**, mencapai kadar terendah dalam tempoh hampir satu dekad (Mei 2015: 3.1%; November 2024: 3.2%). Sementara itu, dalam terma pelarasan bermusim, bilangan penganggur menurun sebanyak 0.8 peratus, dengan kadar pengangguran 3.2 peratus.

Begitu juga, bilangan penganggur terus berkurang sebanyak 4.1 peratus (-23.5 ribu orang) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya (Disember 2023: 567.8 ribu orang). Kadar pengangguran juga turun sebanyak 0.2 mata peratus berbanding 3.3 peratus pada Disember 2023 **[Carta 3]**.


Carta 3: Penganggur dan kadar pengangguran, 1982 - 2023 dan Januari 2021 - Disember 2024



Melihat kepada kategori pengangguran, **penganggur aktif** atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan, merangkumi **79.5 peratus** daripada jumlah penganggur pada bulan Disember 2024. Kategori ini mencatatkan penurunan sebanyak **0.8 peratus (-3.4 ribu orang)** kepada **432.8 ribu orang** (November 2024: 436.2 ribu orang). Daripada jumlah penganggur aktif, **62.7 peratus** adalah mereka yang **menganggur kurang daripada tiga bulan**, manakala **5.8 peratus** adalah mereka yang berada dalam **pengangguran jangka panjang melebihi setahun**⁹ [Carta 4].

Sebaliknya, mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia atau **penganggur tidak aktif** mencatatkan peningkatan sebanyak **0.8 peratus (+0.9 ribu orang)** kepada **111.5 ribu orang** (November 2024: 110.6 ribu orang).


Carta 4: Kategori penganggur dan tempoh menganggur bagi penganggur aktif, November 2024 dan Disember 2024



Kadar pengangguran bagi belia berumur **15 hingga 24 tahun** pada bulan Disember 2024 turun kepada **10.3 peratus**, berkurang sebanyak **0.1 mata peratus**, dengan **299.7 ribu penganggur belia** (November 2024: 10.4%; 300.6 ribu orang), seperti yang dipamerkan dalam **Carta 5**. Pada masa yang sama, kadar pengangguran bagi belia berumur **15 hingga 30 tahun** juga menurun sebanyak **0.1 mata peratus** kepada **6.1 peratus**, mencatatkan **410.8 ribu penganggur belia** (November 2024: 6.2%; 415.6 ribu orang).

⁹ Merujuk kepada orang yang menganggur selama setahun atau lebih (Sumber: KILM: Long-term unemployment) https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---dgreports/---stat/documents/publication/wcms_422451.pdf

Carta 5: Kadar pengangguran mengikut kumpulan umur terpilih, 1982 - 2023 dan Januari 2021 - Disember 2024




4 KPTB yang lebih tinggi direkodkan pada Disember 2024 iaitu pada 70.6 peratus

Bilangan **tenaga buruh** pada Disember 2024 kekal pada trend meningkat, dengan kenaikan sebanyak **0.1 peratus (+25.9 ribu orang)** kepada **17.32 juta orang** (November 2024: 17.29 juta orang). Sehubungan itu, **kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)** yang lebih tinggi direkodkan pada bulan tersebut iaitu pada **70.6 peratus** berbanding 70.5 peratus pada bulan sebelumnya. Dari segi terma pelarasan bermusim, bilangan tenaga buruh menunjukkan peningkatan sebanyak 0.2 peratus dengan KPTB kekal pada 70.5 peratus.

Perbandingan dengan Disember tahun lalu, bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 1.7 peratus atau bersamaan dengan 294.2 ribu orang (Disember 2023: 17.03 juta orang). Oleh itu, KPTB meningkat sebanyak 0.4 mata peratus daripada 70.2 peratus pada Disember 2023 [Carta 6].


Carta 6: Tenaga buruh dan KPTB, 1982 - 2023 dan Januari 2021 - Disember 2024



Pada Disember 2024, kedua-dua tenaga buruh lelaki dan perempuan mencatatkan peningkatan. **Tenaga buruh lelaki** mencecah seramai **10.57 juta orang**, naik daripada 10.56 juta orang pada November 2024, manakala **tenaga buruh perempuan** meningkat kepada **6.74 juta orang**, berbanding 6.73 juta orang pada bulan sebelumnya. Sehubungan itu, **KPTB lelaki** dan **perempuan** masing-masing, meningkat sebanyak 0.1 mata peratus kepada **83.4 peratus** dan **56.9 peratus**.

Dalam perbandingan tahun ke tahun, tenaga buruh lelaki naik sebanyak 1.6 peratus (Disember 2023: 10.41 juta orang), manakala tenaga buruh perempuan meningkat sebanyak 2.0 peratus daripada 6.61 juta orang pada Disember tahun lalu. Oleh itu, kedua-dua KPTB lelaki dan perempuan mencatatkan pertambahan sebanyak 0.4 mata peratus, dengan KPTB lelaki meningkat daripada 83.0 peratus dan KPTB perempuan daripada 56.5 peratus pada Disember 2023 [Carta 7].


Carta 7: Tenaga buruh dan KPTB mengikut jantina, 1982 - 2023 dan Januari 2021 - Disember 2024



5 Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga merupakan sebab utama di luar tenaga buruh

Pada bulan Disember 2024, bilangan penduduk di **luar tenaga buruh** terus berkurang, menurun sedikit sebanyak **0.04 peratus (-2.7 ribu orang)** kepada **7.22 juta orang** (November 2024: 7.23 juta orang). Berbanding dengan bulan yang sama tahun lalu, bilangan penduduk di luar tenaga buruh menurun sebanyak 0.1 peratus atau bersamaan dengan 10.3 ribu orang (Disember 2023: 7.23 juta orang). **Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga** merupakan sebab utama luar tenaga buruh, yang menyumbang sebanyak **43.1 peratus** daripada jumlah keseluruhan, manakala kategori **bersekolah/ latihan** berada di kedudukan kedua iaitu pada **42.3 peratus** [Carta 8].

Carta 8: Peratus sumbangan luar tenaga buruh mengikut sebab tidak mencari pekerjaan, November 2024 dan Disember 2024



6 KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH DAN KADAR PENGANGGURAN TAHUN 2024 (AWALAN)


